



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

ASEAN PRODUCTIVITY-LINKED WAGE CONFERENCE (ASEAN-PLiC)

Kuala Lumpur, 10 Oktober – Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan ASEAN Productivity-Linked Wage Conference (ASEAN-PLiC dengan tema: ‘Enhancing Wage Structure that Promotes Wealth Creation and Wealth Sharing’.

ASEAN-PLiC bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) dan untuk membina persefahaman mengenai PLWS di kalangan Negara Anggota ASEAN Tambah Tiga Negara iaitu Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea. Persidangan ini juga menyediakan platform untuk berkongsi amalan terbaik mengenai pelaksanaan PLWS di kalangan Negara Anggota ASEAN Tambah Tiga Negara dan untuk mengenal pasti tren dan perkembangan terkini struktur upah di kalangan delegasi dan penyertaan.

ASEAN-PLiC dihadiri oleh seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ASEAN Tambah Tiga Negara, pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja dari negara-negara anggota ASEAN, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang bertanggungjawab terhadap isu-isu produktiviti di rantau ASEAN dan global serta pakar-pakar dalam bidang produktiviti.

Persidangan ini akan membangun dan menerima pakai dokumen hasil yang dipanggil sebagai Recommendation of ASEAN-PLiC yang dihasilkan melalui tiga sesi perbincangan yang dijalankan semasa ASEAN-PLiC. Recommendation of ASEAN-PLiC akan diserahkan kepada Mesyuarat Pegawai Kanan Buruh ASEAN (SLOM) untuk pertimbangan selanjutnya yang akan menyumbang dan merealisasikan objektif ASEAN Labour Sector Work Programme 2016-2020.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
10 Oktober 2017**